

**ANALISIS APLIKASI KOGNISI DALAM TUNJANG KOMUNIKASI
BAHASA MALAYSIA PRASEKOLAH**

THANAVALLI A/P SUBRAHMONION

**DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2016

**THE ANALYSIS OF COGNITIVE APPLICATION IN BAHASA MALAYSIA
COMMUNICATION STRAND AT PRESCHOOL**

ABSTRACT

This research is aimed to analyze the cognitive application of the communication strand in preschool Bahasa Malaysia subject. This study involved a teacher at a preschool in the Kinta Utara district of Perak as respondent who answered questions orally. A total of 40 set lesson plans, 25 students worksheet results and text interview with respondent were analyzed through Hermeneutics Method. The results of the study found that the teacher had been using a variety of methods, approaches and techniques to attract children towards Bahasa Malaysia communication strand. Children are usually active towards the teaching and learning of diverse and interesting lessons. In this case, the previous knowledge of children helped them to improve the cognitive performance more effectively. The respondent understood the importance of students' previous knowledge and has utilized in the application of cognition in 82.5% of the lesson plans. However, the respondent faced constraints in the use of technology in the teaching and learning process. This was due to large number of students and lack of space. In addition, this study also showed that worksheets are important measurement instruments to determine the cognitive development in children. The study also explained that the cognitive application in Bahasa Malaysia will be successful if teachers apply the potential and existing knowledge of children in their teaching.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis aplikasi kognisi dalam tunjang komunikasi bahasa Malaysia prasekolah. Kajian ini melibatkan seorang guru prasekolah di daerah Kinta Utara, Perak sebagai responden yang menjawab soalan-soalan secara lisan. Sebanyak 40 set Rancangan Pengajaran Harian, hasil lembaran kerja 25 orang kanak-kanak dan teks temu bual responden telah dianalisis menggunakan Kaedah Hermeneutik. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden telah menggunakan pelbagai kaedah, pendekatan dan teknik pengajaran untuk menarik minat kanak-kanak terhadap tunjang komunikasi bahasa Malaysia. Kanak-kanak sememangnya bertindak aktif terhadap pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai dan menarik. Dalam hal ini, aspek pengetahuan sedia ada kanak-kanak membantu mereka untuk meningkatkan pencapaian kognisi yang lebih berkesan. Responden memahami kepentingan pengetahuan sedia ada kanak-kanak dan dimanfaatkan pengaplikasian kognisi dalam 82.5% Rancangan Pengajaran Harian yang disediakannya. Namun, responden menghadapi kekangan dalam menggunakan peralatan teknologi semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana bilangan kanak-kanak yang ramai dan ruangan yang terhad. Selain itu, kajian ini juga memperlihatkan lembaran kerja sebagai alat pengukuran yang penting untuk mengetahui perkembangan kognisi dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini juga menjelaskan bahawa aplikasi kognisi dalam bahasa Malaysia akan berjaya sekiranya pihak guru mengaplikasikan potensi dan pengetahuan sedia ada kanak-kanak dalam pengajaran mereka.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Soalan Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Batasan Kajian	16
1.8 Definisi Istilah Kajian	17
1.8.1 Aplikasi Kognisi	17
1.8.2 Pendidikan Prasekolah Kebangsaan	19

1.8.3	Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan	21
1.8.4	Kaedah Hermeneutik	22
1.9	Rumusan	23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	24
2.2	Perkembangan Pendidikan Prasekolah	25
2.2.1	Sejarah Perkembangan Pendidikan Prasekolah di Malaysia Sebelum Merdeka	26
2.2.2	Sejarah Perkembangan Pendidikan Prasekolah di Malaysia Selepas Merdeka	28
2.3	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan	31
2.3.1	Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia	34
2.4	Teori Perkembangan Kognisi	36
2.4.1	Pelbagai Tahap Perkembangan Kognisi	37
2.4.2	Perbezaan Tahap Perkembangan Kognisi	39
2.4.3	Pelbagai Cara Perkembangan Kognisi dalam Kalangan Kanak-kanak	48
2.4.4	Pengaplikasian Teori Kognisi dalam Pengajaran dan Pembelajaran	49
2.5	Kajian dalam Negara Tentang Kognisi, Bahasa dan Komunikasi Kanak-kanak	51
2.6	Kajian Luar Negara Tentang Kognisi, Bahasa dan Komunikasi Kanak-kanak	59
2.7	Kaedah Hermeneutik	67
2.7.1	Pengaplikasian Kaedah Hermeneutik dalam Kelas	71
2.8	Rumusan	74

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	75
3.2	Kerangka Kajian	76
3.3	Reka Bentuk Kajian	77
3.4	Kaedah Kajian	79
3.5	Unsur-unsur Instrumen, Validiti dan Kebolehpercayaan	81
3.6	Teks Sebagai Subjek Kajian (Analisis Dokumen RPH, Hasil Lembaran Kerja Kanak-kanak Prasekolah dan Hasil Teks Temu Bual dengan Responden)	82
3.6.1	Ciri-ciri Keterbukaan pada Teks (<i>Openness</i>)	83
3.6.2	Ciri-ciri Kekaburan pada Teks (<i>Ontoenigma</i>)	83
3.7	Metateks	85
3.8	Persampelan	86
3.9	Prosedur Kajian	86
3.10	Rumusan	87

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	89
4.2	Analisis RPH, Analisis Hasil Lembaran Kerja Kanak-kanak dan Interpretasi Kajian Berdasarkan Kaedah Hermeneutik	90
4.3	Analisis Aplikasi Kognisi dalam PdP Prasekolah Melalui Kaedah Hermeneutik	121
4.4	Rumusan	128

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	129
-----	------------	-----

5.2	Perbincangan	130
5.3	Ringkasan Analisis Kajian	134
5.4	Cadangan Penambahbaikan Peningkatan Aplikasi Kognisi	138
5.4.1	Peranan Ibu bapa dalam Penambahbaikan Peningkatan Aplikasi Kognisi	139
5.4.2	Peranan Guru dalam Penambahbaikan Peningkatan Aplikasi Kognisi	139
5.4.3	Peranan Sekolah dalam Penambahbaikan Peningkatan Aplikasi Kognisi	140
5.4.4	Peranan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Penambahbaikan Peningkatan Aplikasi Kognisi	141
5.5	Cadangan bagi Kajian Lanjutan Tentang Peningkatan Aplikasi Kognisi	142
5.6	Rumusan	143
	RUJUKAN	144
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

o. Jadual		Muka Surat
1	Kaedah, Teknik dan Pendekatan Pengajaran dan Prestasi Pencapaian Kanak-kanak	126
2	Pengaplikasian Pengetahuan Sedia Ada Kanak-kanak dalam Rancangan Pengajaran Harian	128

SENARAI RAJAH

No Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Kajian	76
3.2 Proses Ontopretasi	84
3.3 Proses <i>Ontoenigma</i>	85
3.4 Prosedur Kajian	87
4.1 Peratusan Jenis Kemahiran Asas	122
4.2 Pelbagai Teknik, Kaedah dan Pendekatan Pengajaran yang digunakan dalam RPH	123
4.3 Prestasi Pencapaian Kanak-kanak	124

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Di negara Malaysia, peluang pendidikan prasekolah diberikan kepada semua kanak-kanak tanpa mengira latar belakang sosial, agama, lokasi tempat tinggal, keadaan kesihatan mental dan fizikal serta perkembangan intelek mereka. Matlamat asas penubuhan tadika atau prasekolah pada asalnya adalah untuk menyalurkan pengalaman pembelajaran kepada kanak-kanak yang berumur antara 4 hingga 6

tahun. Pendidikan awal ini bertujuan untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan, penguasaan kemahiran-kemahiran asas dan pemupukan sikap positif demi persediaan untuk memasuki alam persekolahan pada peringkat yang paling rendah. Selain itu, program ini juga dirancang semata-mata sebagai pendidikan untuk pertumbuhan dan perkembangan jasmani dan rohani kanak-kanak di luar lingkungan keluarga sebelum memasuki alam pendidikan dasar. Menurut Tamam et al., (2010), kemahiran membaca adalah kemahiran yang amat penting dalam pendidikan terutamanya pada peringkat awal alam persekolahan kerana kemahiran membaca mempunyai hubungan dengan penguasaan bahasa. Penguasaan bahasa kanak-kanak adalah asas perkembangan kognisi yang melibatkan kegiatan memperoleh pengetahuan melalui pengalaman kemahiran membaca.

Sehubungan dengan hal itu, Akta Pendidikan (1996) yang telah diluluskan memberikan satu perubahan yang signifikan kepada pendidikan prasekolah, iaitu dasar pendidikan prasekolah telah diterapkan ke dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Perubahan dasar ini jelas menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk mengekal dan meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah. Justeru, guru prasekolah sesungguhnya perlu mempunyai pengetahuan yang luas tentang pendidikan prasekolah yang merangkumi beberapa aspek utama seperti perkembangan kognisi kanak-kanak dan strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Sistem pendidikan prasekolah di Malaysia boleh dikatakan usaha berterusan daripada perkembangan pendidikan prasekolah di Eropah dan di Amerika. Program yang diguna pakai pada masa kini di Malaysia adalah Program Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) yang berasaskan sistem Montessori atau Regio Emilio 1837 atau lain-lain yang diadaptasikan dari negara luar. Sesungguhnya, Kurikulum Pendidikan Prasekolah dirangka dengan teliti bagi memenuhi keperluan dan tahap keupayaan kanak-kanak berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPN) (Downey & Garzoli, 2007).

Mulai tahun 2002, semua pusat pembelajaran kanak-kanak sama ada diuruskan oleh Kementerian Pelajaran mahupun dikelola oleh pihak swasta mestilah mengikuti sukatan pelajaran yang telah ditetapkan dan disediakan oleh KPM. Oleh sebab itu, Program Pendidikan Prasekolah yang dilaksanakan dapat dikatakan mampu memberikan pendedahan pengetahuan, pelbagai kemahiran asas dan nilai-nilai murni kepada kanak-kanak. Segala aspek tersebut diterapkan secara praktikal dan tidak formal serta dalam suasana yang menyeronokkan menerusi pendekatan aktiviti bermain sambil belajar.

Dalam pada itu, menurut tafsiran Kementerian Pendidikan Malaysia (2003), Kurikulum Pendidikan Prasekolah didefinisikan sebagai aktiviti-aktiviti persediaan pembelajaran kepada kanak-kanak sebelum mengharungi alam persekolahan di sekolah rendah. Pendidikan prasekolah merangkumi pendekatan PdP yang fleksibel, dinamik, komprehensif dan interaktif. Pendekatan sedemikian memberikan ruang dan

peluang kepada kanak-kanak untuk menjalani aktiviti-aktiviti di dalam bilik darjah yang mementingkan penerokaan ilmu bertunjangkan naluri ingin tahu dalam kalangan kanak-kanak. Pengalaman di prasekolah dan proses pembelajaran yang bermakna, berkesan dan menggembirakan dapat membekalkan kemahiran, keyakinan diri dan sikap positif kepada kanak-kanak sebelum memasuki alam persekolahan formal dan seterusnya mencapai matlamat pendidikan yang berterusan sepanjang hayat.

Atas pertimbangan ini dapat dikatakan bahawa pendidikan prasekolah merupakan proses pembelajaran peringkat awal yang amat penting kepada kanak-kanak. Hal ini demikian kerana kanak-kanak sentiasa mempunyai sikap yang positif tanpa ada kecenderungan (*bias*) negatif terhadap individu yang lain (MacNaughton, 2005). Sikap ini mendorong kanak-kanak menguasai pelajaran dengan sepenuhnya. Hakikat ini dapat dikaitkan dengan pandangan Rohaty (2003), iaitu pendidikan prasekolah adalah tahun-tahun kritis dan asas kepada peringkat pendidikan selanjutnya serta menentukan kejayaan hidup seseorang individu. Justeru, peluang pendidikan prasekolah seharusnya diberikan kepada semua kanak-kanak tanpa mengira latar belakang sosial, agama, lokasi tempat tinggal, keadaan kesihatan mental dan fizikal kanak-kanak serta perkembangan intelek mereka.

Sejajar dengan hal tersebut, Konsep Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) di Malaysia telah dibahagikan kepada dua tahap berdasarkan perkembangan umur kanak-kanak. Peringkat pertama ialah Taman Asuhan Kanak-kanak atau digelar “Taska” untuk kanak-kanak yang berumur bawah 4 tahun. Peringkat kedua ialah

prasekolah atau lebih dikenali sebagai “Tadika”. Tadika merupakan singkatan daripada Taman Didikan Kanak-kanak. Pengurusan tadika boleh diertikan sebagai mana-mana premis yang menerima masuk kanak-kanak lebih daripada empat orang yang berumur antara 5 hingga 6 tahun untuk tujuan penerimaan pendidikan dengan bayaran. Matlamat utama pendidikan pada peringkat tadika adalah untuk menyediakan kanak-kanak memasuki alam persekolahan formal apabila mereka mencapai umur 7 tahun.

Seterusnya, pendidikan prasekolah juga memberikan impak positif dalam pembentukan perkembangan kognisi dan sahsiah kanak-kanak. Sesungguhnya, pendidikan prasekolah bertujuan untuk mengembangkan potensi kanak-kanak yang berumur antara empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Matlamat ini dapat dicapai menerusi persekitaran pembelajaran yang selamat dan aktiviti PdP yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Usaha ini menggalakkan kanak-kanak untuk meningkatkan kemahiran, menerapkan keyakinan serta membentuk konsep sendiri yang positif dalam diri mereka. Malah, tindakan ini membantu kanak-kanak berjaya dalam persekitaran pembelajaran yang sedia ada dan bersikap yakin untuk menangani pelbagai cabaran dan tanggungjawab pada masa hadapan. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa objektif PAKK adalah untuk mendedahkan kanak-kanak kepada pengalaman dan penguasaan kemahiran asas seperti menguruskan diri untuk membaca, menulis serta mengira di sekolah rendah kelak.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan prasekolah mempunyai peranan dan fungsi yang tersendiri sebagai asas pendidikan dalam perkembangan pendidikan di negara ini. Hal ini kerana pendidikan prasekolah bukanlah sebahagian daripada sistem persekolahan di Malaysia. Berikutan itu, terdapat pelbagai jenis tadika dan tabika seperti Tabika Kemas, Tabika Perpaduan Negara, Taski iaitu Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam, Prasekolah Kementerian Pelajaran (ANNEX/KPM), Permata Negara dan Tadika Swasta di negara ini. Pelbagai jenis aliran prasekolah tersebut mempunyai perbezaannya yang tersendiri akibat perubahan sosial dalam kalangan masyarakat yakni dipengaruhi oleh keadaan politik, ekonomi dan taraf hidup. Selain itu, tahap kelayakan guru-guru prasekolah, sukatan dan rancangan pengajaran harian, metodologi serta suasana PdP yang berlainan turut merumitkan permasalahan ini. Kekangan ini jelas merupakan kepincangan dalam sistem pendidikan prasekolah untuk mencapai hasrat pendidikan nasional. Shahizan Hassan dan Ahmad Shahabuddin Che Noh (2005) berpendapat bahawa perkembangan dan pertumbuhan prasekolah secara tidak terkawal ini menyebabkan kanak-kanak dididik dengan pelbagai acuan dan tidak menepati hasrat gagasan 1 Malaysia.

Berikutan dengan hal ini, Kurikulum Prasekolah Kebangsaan telah dirancang untuk menyeragamkan perkembangan kanak-kanak yang mempunyai pelbagai latar belakang yang berbeza. Menurut Sharifah Nor Puteh et al., (2009), Kurikulum Prasekolah Kebangsaan menggariskan enam komponen utama yang menyumbang kepada perkembangan yang menyeluruh dalam diri kanak-kanak. Komponen-

komponen ini merangkumi bahasa dan komunikasi, perkembangan kognisi, kerohanian moral, perkembangan emosi, perkembangan fizikal dan kreativiti serta estetika. Usaha ini sejajar dengan FPN, iaitu melahirkan insan yang seimbang dari segi perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Seterusnya, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah diperkenalkan. KSPK bertunjangkan komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, sains dan teknologi, perkembangan fizikal dan estetika serta keterampilan diri untuk merangsang perkembangan kanak-kanak. Tunjang Komunikasi Bahasa memainkan peranan yang amat penting sekali dalam perkembangan potensi kanak-kanak. Hal ini kerana bahasa merupakan kunci pintu khazanah ilmu dan bacaan adalah jaminan untuk kanak-kanak menimba ilmu. Ekoran daripada itu, kelemahan penguasaan bahasa akan menjejaskan kemajuan kanak-kanak dalam mata pelajaran yang lain kerana bahasa adalah wadah komunikasi untuk memperoleh segala jenis ilmu pengetahuan. Maka, bahasa menjadi medium yang membolehkan kanak-kanak memperoleh, menyusun dan mengutarakan idea serta pengalaman mereka. Usaha ini berasaskan kemahiran kognisi kanak-kanak. Kemahiran kognisi ini tidak dapat diukur secara kuantitatif tetapi dapat dianalisis secara kualitatif atau secara tersirat. Hakikat ini dapat dikaitkan dengan pendapat Sharifah Nor Puteh et al., (2009), iaitu perkembangan kanak-kanak boleh ditafsirkan sebagai perubahan yang berlaku dalam aspek biologi, kognisi dan sosio ekonomi individu yang bermula dari peringkat awal sehingga ke akhir hayat.

Sehubungan dengan hal ini, guru memainkan peranan yang penting untuk mengaplikasikan kognisi dalam Tunjang Komunika Bahasa. Instrumen yang digunakan oleh guru untuk mencapai matlamat ini ialah teks transkrip yang meliputi RPH guru dan hasil teks temu bual serta lembaran kerja. Ketiga-tiga instrumen tersebut berkemampuan untuk mengukur aplikasi kognisi dalam kalangan kanak-kanak. Bagi mencapai matlamat ini, didapati Kaedah Hermeneutik amat bersesuaian sekali untuk menganalisis aplikasi kognisi dalam Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia. Kaedah ini berusaha untuk mentafsir dan menghuraikan makna secara tersurat dan tersirat.

Misalnya, pengkaji berpeluang untuk mengetahui sejauh mana RPH dilaksanakan dengan berkesan menerusi aktiviti temu bual dengan guru. Seterusnya, lembaran kerja kanak-kanak merupakan dokumen yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan. Secara langsung, dokumen ini menjadi instrument formatif untuk mengukur perkembangan kognisi. Maka, ketiga-tiga sumber ini membantu pengkaji untuk mengenal pasti tahap kognisi kanak-kanak secara mutlak. Dengan demikian boleh dikatakan Kaedah Hermeneutik merupakan kaedah yang amat sesuai untuk mengkaji tahap kognisi kanak-kanak.

Selanjutnya, komitmen guru-guru prasekolah amat penting dalam mengukur perkembangan kanak-kanak secara keseluruhan. Guru-guru memainkan peranan yang penting dalam pengaplikasian konsep psikologi menerusi proses PdP mereka. Usaha ini bertujuan untuk memberangsangkan pembelajaran secara langsung mahupun tidak langsung (Kasnani Abdul Karim et al., 2006). Maka, wajarlah pengkaji membuat

kajian ini terhadap proses PdP berhubung dengan perkembangan kognisi kanak-kanak. Hal ini demikian kerana faktor perkembangan kognisi kanak-kanak adalah aspek penting yang mendasari tunjang KSPK. Namun, masih kebanyakan guru mengabaikan peranannya.

Lantaran itu, pengkaji berpendapat bahawa guru-guru prasekolah perlu mengetahui aspek-aspek pengintergrasian perkembangan kognisi dalam PdP. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat menyedarkan pihak sekolah tentang kepentingan penguasaan kognisi dalam proses pembelajaran. Hasilnya, guru prasekolah dapat membentuk kanak-kanak yang berkualiti pada masa depan. Malahan, kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak pengurusan prasekolah memahami kepentingan perkembangan kognisi untuk menguasai kemahiran-kemahiran pembelajaran secara holistik. Sehubungan dengan hal ini, Program Pendidikan Prasekolah hendaklah sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak supaya dapat merangsang pemikiran, membina sikap positif dan akhlak yang baik, meningkatkan kecergasan dan kesihatan ke arah penyuburan potensi individu yang optimum seperti yang diharapkan oleh semua pihak.

1.3 Pernyataan Masalah

Guru-guru yang mengajar kanak-kanak di prasekolah didapati menggunakan pelbagai pendekatan dan strategi yang berlainan. Namun, mereka tidak begitu mahir dalam

mengaplikasikan teori-teori kognisi semasa mereka mengendalikan proses pengajaran di kelas prasekolah. Sesungguhnya, guru-guru mengalami beberapa masalah berkaitan dengan fungsi dan kerealitian mengajar kanak-kanak di prasekolah. Menurut Lihanna Borhan (2005), gaya pengajaran guru prasekolah berada dalam keadaan yang membimbangkan. Hal ini demikian kerana guru-guru prasekolah gagal dalam mengaplikasikan teori-teori kognisi apabila mengendalikan pengajaran.

Malahan, keketakan ilmu dari segi aspek praktikal boleh mengganggu perancangan dan pengurusan prasekolah serta proses pembelajaran kanak-kanak (Rohaty, 2003). Perkara ini memperlihatkan kekurangan dan kelemahan penekanan pada dan pengaplikasian teori tentang proses PdP oleh guru-guru di prasekolah. Justeru, keadaan ini mendorong pengkaji untuk mengkaji sejauh manakah aplikasi kognisi oleh guru-guru dalam pendidikan kanak-kanak di prasekolah membantu meningkatkan ilmu pengetahuan kanak-kanak.

Dalam pada itu, hasil kajian Nor Hashimah Hashim et al., (2000) mentafsirkan bahawa penilaian perkembangan kognitif kanak-kanak dapat membantu guru-guru prasekolah untuk meningkatkan kualiti PdP, perkembangan kanak-kanak dan memantapkan keberkesanan program PAKK. Kesemua proses ini memberikan ruang dan peluang kepada guru-guru di prasekolah dan ibu bapa untuk merancang tindakan susulan yang relevan supaya perkembangan optimum kognisi kanak-kanak boleh berlaku. Kajian di Malaysia menunjukkan penilaian yang dijalankan di kebanyakan tadika lebih banyak menjurus pada perkembangan akademik dan bukan

perkembangan kognisi. Hal ini demikian kerana kualiti guru-guru di prasekolah dinilai berdasarkan keberkesanan pelaksanaan sesuatu kurikulum. Perkembangan kognisi kanak-kanak kurang ditafsir oleh guru-guru kerana mereka tidak didedahkan kepada kursus-kursus yang menjurus pada perkembangan kognisi kanak-kanak pada masa kini. Akibatnya, Kurikulum Pendidikan Prasekolah gagal mencapai objektifnya kerana kanak-kanak berasa bosan pada pelajaran ekoran daripada pengendalian proses PdP yang tidak begitu efektif (Nor Hashimah Hashim et al., 2000). Berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas, pengkaji berpendapat bahawa guru-guru prasekolah kurang menitikberatkan aspek kognisi dalam PdP seharian. Hal ini perlu diberi perhatian kerana perkembangan kognisi merupakan salah satu aspek utama yang terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

Malangnya, kebanyakan guru di prasekolah hanya berusaha untuk menghabiskan sukatan pelajaran prasekolah. Masalah ini menyebabkan guru-guru tidak memahami kepentingan perkembangan kognisi kanak-kanak. Amalan pembelajaran menerusi kaedah permainan menjadi fokus utama kurikulum prasekolah di Malaysia. Misalnya, Kurikulum *Smart Reader* adalah antara kurikulum yang menggunakan pendekatan permainan dalam pengajaran dan pemerolehan kemahiran berbahasa. Kurikulum yang menggunakan metodologi pengajaran secara kreatif ini menggalakkan guru-guru untuk sentiasa berfikir secara kreatif semasa merancang PdP. Setiap hari guru perlu mengemukakan idea baru dan mempelbagaikan aktiviti supaya pembelajaran tidak membosankan. Misalnya, sebelum mengajar, guru perlu menyediakan rancangan pengajaran dan bahan bantu pengajaran daripada bahan-

bahan kitar semula untuk dijadikan sebagai bahan aktiviti semasa pembelajaran menerusi kaedah permainan.

Kaedah permainan didapati mampu menggalakkan kanak-kanak belajar secara aktif. Kajian Sharifah Nor Puteh et al., (2009) yang melihat pendekatan aktiviti permainan dari segi perkembangan kognisi mendapati kanak-kanak teruja dengan aktiviti permainan, terlibat secara aktif, berasa seronok dan kreatif. Kanak-kanak menunjukkan rasa bosan mereka terhadap pengajaran yang berasaskan pendekatan tradisional. Bahan bantu pengajaran yang digunakan dalam aktiviti permainan perlu direka oleh guru-guru mengikut idea mereka sendiri dan berdasarkan objektif PdP sukatan yang diberikan. Justeru, suasana gembira dan pendekatan guru yang kreatif memudahkan kanak-kanak menerima pembelajaran dan meningkatkan perkembangan kognisi mereka dengan baik. Hasil pertimbangan ini dapat dikatakan bahawa keberkesanan dan keberhasilan PdP guru di dalam kelas amat bergantung kepada daya kreatif guru itu sendiri.

Oleh sebab itu, komitmen guru-guru prasekolah amat penting dalam mengukur perkembangan kanak-kanak secara keseluruhan. Mereka memainkan peranan yang penting dalam pengaplikasian konsep psikologi terhadap proses PdP mereka. Usaha ini bertujuan untuk memberangsangkan pembelajaran secara langsung mahupun tidak langsung (Kasnani Abdul Karim et al., 2006). Maka, wajarlah pengkaji membuat kajian ini terhadap proses PdP berhubung dengan perkembangan kognisi kanak-

kanak. Hal ini demikian kerana faktor perkembangan kognisi kanak-kanak adalah aspek penting yang terdapat dalam tunjang KSPK tetapi masih diabaikan peranannya.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut :-

- i) Menenal pasti bagaimana guru prasekolah menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan lembaran kerja kanak-kanak dengan menitikberatkan aspek kognisi.
- ii) Menganalisis bagaimana kanak-kanak prasekolah menguasai aplikasi kognisi melalui lembaran kerja yang disediakan oleh guru prasekolah.

1.5 Soalan Kajian

Soalan-soalan kajian adalah seperti berikut:-

- i) Bagaimanakah guru prasekolah menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan lembaran kerja kanak-kanak dengan menitikberatkan aspek kognisi?
- ii) Sejauh manakah kanak-kanak prasekolah menguasai aplikasi kognisi melalui lembaran kerja yang disediakan oleh guru prasekolah?

1.6 Kepentingan Kajian

Pengkaji berpendapat bahawa guru-guru prasekolah beranggapan bahawa pendidikan prasekolah bertujuan hanya untuk menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) sahaja. Namun demikian, perkembangan kognisi kanak-kanak bermula pada peringkat umur 4 hingga 6 tahun telah dilupakan oleh guru-guru prasekolah. Fenomena ini juga dapat dilihat dalam kalangan ibu bapa yang hanya mementingkan penguasaan 3M oleh anak-anak mereka. Berdasarkan teori Piaget pada peringkat praoperasional (umur 2-7 tahun) kemahiran kognisi kanak-kanak berkembang dengan cepat dan dapat diasah melalui pelbagai aktiviti.

Pengkaji berpendapat bahawa guru-guru prasekolah perlu mengetahui aspek-aspek pengintegrasian perkembangan kognisi dalam PdP. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat menyedarkan pihak sekolah tentang kepentingan penguasaan kognisi dalam proses pembelajaran. Hasilnya, guru prasekolah dapat membentuk kanak-kanak yang berkualiti pada masa depan. Pengkaji berpendapat bahawa kajian ini adalah penting kerana hasil kajian ini dapat memberikan maklumat tentang kemahiran-kemahiran kognisi yang perlu diterapkan oleh guru-guru prasekolah. Malahan, kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak pengurusan prasekolah memahami kepentingan perkembangan kognisi untuk menguasai kemahiran-kemahiran pembelajaran secara holistik.

Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru-guru mengenal pasti kebolehan kognisi yang terdapat dalam diri kanak-kanak pada peringkat awal supaya keistimewaan mereka dapat dicungkil demi melahirkan kanak-kanak yang mempunyai keyakinan diri. Pengajaran berkait rapat dengan tanggungjawab guru sebagai penyampai ilmu dan keberkesanan pengajaran banyak bergantung kepada sejauh mana guru berjaya mencapai objektif pengajarannya dalam membantu kanak-kanak belajar apa-apa yang diajarkan (Zamri Mahamod et al., 2009). Justeru, bagi memastikan hasil pembelajaran dapat dicapai dalam masa yang diperuntukkan, guru perlu bijak merancang, mengurus dan mengelola pengajaran.

Rumusan kajian ini dapat menyumbang kepada pengkaji akan datang untuk menganalisis kepentingan dan masalah yang berkaitan dengan perkembangan kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Di samping itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada ibu bapa untuk menilai kepentingan perkembangan kognisi anak-anak mereka sejak di prasekolah. Kajian ini juga memberikan panduan kepada para pendidik dan pihak sekolah mengenai cara memahami serta mengaplikasikan kognisi semasa mengajar dalam kelas. Kajian ini juga membantu guru prasekolah untuk mewujudkan satu kaedah pengajaran yang menggunakan aplikasi kognisi bagi menjamin perkembangan kognisi kanak-kanak secara menyeluruh. Oleh itu, pihak sekolah perlulah memberi ruang dan peluang dengan membenarkan guru menggunakan pendekatan yang kreatif semasa menjalankan PdP bagi tujuan perkembangan kognisi kanak-kanak.